

1978

JITRA, 5 JULAI (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENAFIKAN TUDUHAN YANG MENGATAKAN IA PERNAH MENJADI ANGGOTA KELAB SOSIALIS DI UNIVERSITI SINGAPURA SAPERTIMANA YANG DISEBARKAN DALAM RISALAH KELUARAN BARI-SAN PEMUDA INSAF.

KETIKA BERUCAP DI MAJLIS CERAMAH DI KAMPUNG GELONG DEKAT SINI DALAM KAWASAN PARLIMENNYA KUBANG PASU, BELIAU BERKATA RISALAH ITU DIPERCAYAI DIKELUARKAN OLEH GOLONGAN YANG MENYOKONG PARTI PAS.

RISALAH ITU JUGA MENUDUH DATUK SERI DR. MAHATHIR SEBAGAI SEORANG KOMUNIS TELAH DISEBARKAN DI KAWASAN PARLIMENNYA SEJAK BEBERAPA HARI YANG LALU.

BELIAU BERKATA MEREKA YANG MEMBUAT TUDUHAN YANG TIDAK BERASAS ITU ADALAH TERDIRI DARI ORANG-ORANG YANG TIDAK BERTANDUGUNG-JAWAB SERTA MEMPUNYAI NIAT JAHAT BAGI KEPENTINGAN PARTI PAS.

MENURUTNYA BARI-SAN PEMUDA INSAF ITU TIDAK PERNAH DIWUJUDKAN TETAPI IANYA LEBIH BERBAU KOMUNIS KERANA MEREKA MENJALAN KEGIATAN-NYA SEPERTI AJEN-AJEN KOMUNIS YANG MEMBURUK-BURUK NAMA DAN PERIBADI SEORANG ANGGOTA PARTI LAWAN MEREKA.

TAMBAH BELIAU MEREKA ITU BOLH MENYIASAT DI UNIVERSITI SINGAPURA SAMADA BELIAU PERNAH MENJADI ANGGOTA KELAB ITU SEMASA MENUNTUT DI FAKULTI PERUBATAN DI UNIVERSITI TERSEBUT. — BERSAMBUNG

1907/ZCM

MAHATHIR - RISALAH 2 JITRA

+SAYA MENCABAR MEREKA YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB KERANA TUDUHAN PALSU ITU DAN SEBAGAI SEORANG ISLAM SAYA JUGA BERANI BERSUMPAH DENGAN QURAN BAGI MENEGAKKAN KEBENARAN YANG SAYA TIDAK PERNAH MENJADI ANGGOTA KELAB ITU.+

+WAKTU SAYA MENUNTUT DI UNIVERWITI ITU DAHULU SAYA TELAH MENENTANG SEGARA LANTANG SEGALA KEGIATAN KELAB ITU KERANA BERTENTANGAN DENGAN FAHAMAN POLITIK SAYA.+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU MENSIFATKAN RISALAH ITU SEBAGAI SATU DAKYAH PAS DISEBABKAN MEREKA TIDAK ADA LAGI ISU PENTING DALAM KEMPEN PILIHANRAYA SELAIN DARI AGAMA ISLAM DAN BUKU MALAY DILEMA.

BELIAU BERKATA BAGI PAS SEGALA ISU YANG BOLEH MEMANCIING UNDI AKAN DIGUNAKAN SEPENUHNYA MENURUT NAFSU MEREKA.

BELIAU MINGINGATKAN PARA PENGUNDI DI KAWASAN PARLIMENNYA SUPAYA LEBIH BERWASPADA TERHADAP GOLONGAN ITU YANG SEDANG GIAT MENABUR FITNAH DAN TUDUHAN PALSU TERHADAPNYA DAN PARA PEMIMPIN BN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENCERITAKAN BAGAIMANA ISTERINYA DATIN SERI DR. SITI HASMAH KETIKA DALAM PERJALANAN PULANG PETANG KELMARIN SELEPAS MENGADAKAN CERAMAH DI SEBUAH KAMPUNG DI JITRA TELAH DIMAKI OLEH SEKUMPULAN BUDAK YANG MEMBAWA POSTER PAS SERTA MENGELUARKAN PERKATAAN KAFIR KEPADA ISTERINYA.

BELIAU KESAL TERHADAP SIKAP ANAK-ANAK MUDA ITU KERANA MEREKA TELAH DIRAGUNI OLEH PARA PEMIMPIN PARTI LAWAN SECARA MENGGALAKAN BUDAK-BUDAK ITU MENGGUNAKAN PERKATAAN-PERKATAAN KASAR YANG BERTENTANGAN DENGAN AJARAN ISLAM YANG SEBENARNYA. — BERSAMBUNG

1907/ZCM

KATANYA PEMIMPIN DAN PENYOKONG PARTI PAS SANGGUP MEMPERKUDAKAN TENAGA BUDAK-BUDAK KECIL YANG MASIH DI BANGKU SEKOLAH BAGI KEPENTINGAN POLITIK MEREKA.

KEMUDIAN BELIAU TELAH MENGADAKAN SATU CERAMAH DI LADANG GETAH TANJUNG PAUH KIRA-KIRA 6 BATU DARI SINI.

DI MAJLIS ITU BELIAU MINGINGATKAN PENDUDUK-PENDUDUK YANG TINGGAL DI KAWASAN ITU SUPAYA MENGGUNAKAN HAK UNDI MEREKA DENGAN BIJAKSANA BAGI MENENTUKAN NASIB DEPAN MEREKA.

SEMENTARA ITU DATIN SERI DR. HASMAH TELAH JUGA TURUT MEMBANTU KEMPEN DI KAWASAN PARLIMEN PADANG TERAP DENGAN MENGADAKAN CERAMAH DARI RUMAH KE RUMAH. — BERNAMA 1909/ZCM